

Resipi cemerlang

H M 29/06/08 MIS E

>>Oleh **NORAINON OTHMAN**

norainon@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Mengulangkaji bab yang baru dipelajari, kembali semula meneliti bab lalu serta membaca bab akan datang adalah resipi kecemerlangan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melati, Setapak, Janshir Khan Johan Batcha, 18.

Janshir yang mendapat 8 A1 dan 3 A2 dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lalu menerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan 2007 dan Pelajar Cemerlang SPM pada Majlis Anugerah Cemerlang sekolah itu, di sini, semalam.

Kaedah diamalkan itu membuatkan dia mampu

menguasai pelajarannya dengan baik kerana tidak melupakan pelajaran yang sudah dan sedang dipelajari serta lebih bersedia menghadapi bab yang belum diajar guru.

Menurut Janshir, pada hari persekolahan, dia memperuntukkan dua hingga tiga jam untuk mengulang kaji pelajaran pada waktu malam. Pada Sabtu dan Ahad pula, dia membaiki kelemahan dengan menumpukan kepada topik yang kurang difahami ketika belajar dalam kelas.

"Saya juga membuat latihan selain menumpukan kepada subjek sukar seperti Fizik, Biologi dan Kimia. Saya juga bertanya guru jika ada topik saya tidak faham," katanya.


Anak sulung dua beradik ini berkata, saat sukar baginya ialah ketika penilaian diagnostik SPM Mei tahun lalu apabila dia cuma mendapat 6A1.

"Apabila melihat prestasi jatuh, saya melipatgandakan usaha dengan menumpukan sepenuh perhatian pada pelajaran bagi meraih keputusan cemerlang dalam SPM.

"Ibu bapa saya juga sering bertanya bagaimana prestasi pelajaran saya dan mereka sentiasa memberi sokongan moral dan doa," katanya.

Janshir yang bercita-cita menjadi pakar bedah jantung kini mendaftar masuk di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Petaling Jaya dalam jurusan Sains Biologi.

Majlis itu dihadiri Raja



PUAS... Janshir bersama ibu dan bapa meraikan kejayaannya menjadi pelajar terbaik SPM keseluruhan 2007.

Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah yang menyampaikan titah dan Raja Puan Besar, Tuanku Zara Salim.

Seramai 45 pelajar cemer-

lang peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menerima anugerah daripada Zara

pada majlis berkenaan. Raja Dr Nazrin turut menghulur sumbangan peribadi RM100,000 untuk tabung pembangunan sekolah.